

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 25 MAC 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 33

## Kukuh ekosistem PKS

### Kukuh ekosistem PKS

**Kuala Lumpur** Malaysia mesti memperkukuh ekosistem perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutama berkaitan pembiayaan peringkat awal, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata menyokong PKS dan menyediakan pembiayaan peringkat awal adalah penting untuk memudahkan firma yang produktif dan inovatif.

"Inovasi seperti yang kita semua tahu, adalah salah satu pemacu yang paling memberi kesan kepada peningkatan produktiviti.

"Dasar inovasi berserta ekosistemnya adalah penting untuk menghasilkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada output yang menjana keuntungan yang didorong oleh produktiviti," katanya ketika berucap pada sesi maya Inovasi Mendorong Pertumbuhan di Malaysia oleh Bank Dunia, semalam.

Beliau berkata dengan berbuat demikian, PKS Malaysia akan menikmati tahap produktiviti yang lebih tinggi dan dapat merapatkan jurang dengan rakan serantau.

Mustapa berkata PKS yang terdiri daripada lebih 97 peratus firma yang beroperasi di Malaysia, mempunyai peranan penting untuk dimainkan dalam peralihannya kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Justeru beliau menambah pada masa hadapan, penyepaduan pelbagai dasar dan penyelarasan antara kementerian dan



MUSTAPA

agensi yang berbeza akan menjadi kunci dalam agenda inovasi dan pembaharuan ini.

Mustapa berkata laporan Bank Dunia – Penilaian Ekosistem Pembiayaan Permulaan dan Kajian Kecekapan Program PKS menyediakan cadangan yang akan memberikan input ke arah matlamat Malaysia untuk mentransformasikan PKS mikro sebagai pemacu pertumbuhan baharu.

"Kita maklum akan jurang yang dikenal pasti oleh dua laporan Bank Dunia itu mengenai ekosistem pembiayaan untuk syarikat pemula niaga.

"Salah satu pemerhatian ialah pembiayaan cenderung tersedia untuk pemula niaga peringkat kemudian berbanding peringkat awal," katanya.

Laporan Bank Dunia juga mengetengahkan keperluan untuk Malaysia mengurangkan halangan memasuki bagi firma inovatif dan mewujudkan saluran untuk firma unicorn pada masa hadapan.

Menjelang 2025, Malaysia menyasar untuk mempunyai lima unicorn dan 5,000 syarikat permulaan (pemula niaga).